

Nama:

Kelas:

Pilih jawapan yang paling sesuai bagi ayat di bawah ini.

1. (Siapakah / Apakah / Berapakah) yang layak untuk mewakili sekolah dalam pertandingan syarahan?
2. (Apakah / Bilakah / Bagaimanakah) keadaan cuaca di tempat kamu pada waktu ini?
3. (Bilakah/ Di manakah / Siapakah) Encik Kamarul menyimpan peralatan yang tajam?
4. (Berapakah / Siapakah / Mengapakah) yuran yang perlu dibayar untuk menyertai kelas tuisyen itu?
5. (Siapakah / Apakah / Bagaimanakah) alasan Audrey apabila tidak hadir ke kelas piano?

Bina ayat tanya berdasarkan perbualan di bawah.



Fakhrul : _____ yang sedang ayah pasang?

Encik Roslan : Ayah sedang memasang tombol pintu elektronik.

Fakhrul : _____ ayah hendak memasang alat ini?

Encik Roslan : Ayah hendak memasang tombol pintu elektronik ini di pintu hadapan rumah kita?

Fakhrul : _____ ayah memasang alat ini?

Encik Roslan : Ayah memasang alat ini untuk keselamatan rumah kita.

Fakhrul : Wah, bagusnya alat ini! _____ alat ini berfungsi?

Encik Roslan : Alat ini berfungsi sepanjang waktu sama ada kita ada di dalam rumah atau sebaliknya.

Fakhrul : _____ cara alat ini berfungsi?

Encik Roslan : Alat ini berfungsi dengan cara mengeluarkan bunyi yang kuat apabila dipegang atau diketuk oleh pencuri.

Fakhrul : Tentu mahal harga alat ini. _____ harga alat ini?

Encik Roslan : Harga alat ini tidak mahal selepas potongan harga yang ditawarkan oleh kedai itu.